

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SEW212 - Mikroekonomi II

Masa: [3 Jam]


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEBELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA bahagian Soalan 1 dalam Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B. Jawapan kepada Soalan 1 hendaklah ditulis pada ruang-ruang kosong yang disediakan. Gunakan buku jawapan untuk menjawab soalan-soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A [60 markah]

Soalan 1 (Jawab SEMUA bahagian)

- (a) Rajah 1 menunjukkan pemonopsoni dalam pasaran input buruh. Ia adalah pesaing sempurna dalam pasaran barangan.




Rajah 1

- (i) Sekiranya pemonopsoni tidak mengamalkan diskriminasi harga, berapakah buruh yang digunakan? Berapakah jumlah upah yang dibayar? Berapakah jumlah nilai eksploitasi bermonopsoni? Lukiskan kawasan-kawasan yang berkenaan dalam Rajah 1 dan jelaskan.
- (ii) Sekiranya pemonopsoni mengamalkan diskriminasi harga sempurna, berapakah buruh yang akan digunakan? Berapakah jumlah upah yang dibayar? Adakah jumlah upah itu melebihi, kurang daripada atau sama dengan jumlah upah yang dibayar oleh sebuah firma berpersaingan sempurna yang juga menggunakan kuantiti buruh yang sama? Tunjukkan dalam Rajah 1 dan jelaskan.
- (iii) Sekarang andaikan pemonopsoni yang mengamalkan diskriminasi harga sempurna menggunakan kuantiti buruh yang sama dengan jawapan (i). Berapakah jumlah upah yang dibayar? Tunjukkan dalam Rajah 1 dan jelaskan.

(10 markah)

(b) Dalam Rajah 2, DD_1 , SS_1 dan MR adalah keluk permintaan, keluk penawaran dan keluk hasil marginal untuk pekerja masing-masing.



Rajah 2


(i) Di bawah persaingan sempurna, berapakah pekerja akan digunakan? Berapakah kadar upah? Berapakah sewa ekonomi?

(ii) Sekarang katakan pekerja-pekerja menubuhkan sebuah kesatuan pekerja. Kesatuan itu bertindak sebagai monopoli. Sekiranya kesatuan ingin memaksimumkan sewa ekonomi, berapakah pekerja akan digunakan? Berapakah kadar upah? Berapakah sewa ekonomi? Jelaskan.


(8 markah)

(c) Andaikan bahawa sebuah ekonomi mengandungi dua industri, pita video dan cakera padat. Dari segi intensiti modal dalam proses pengeluaran, kedua-dua industri adalah sama. Tambahan pula, kedua-dua industri mempunyai pulangan malar mengikut skel.

(i) Lukiskan keluk kontrak dalam Rajah 3 dan jelaskan.



(ii) Lukiskan keluk transformasi keluaran dalam Rajah 4 dan jelaskan.



Rajah 4

(7 markah)

- (d) Katakan bahawa Syarikat Indah menggunakan air daripada Sungei Molek dalam proses pengeluarannya. Terdapat sebuah kilang yang mengeluarkan kertas dibina dekat Sungei Molek. Kilang kertas itu membuang banyak sisa dan mencemarkan air sungei itu. Syarikat Indah terpaksa membelanjakan sebanyak RM3,000 sebulan supaya menuras dan membersihkan air. Sebaliknya, kilang kertas boleh mengelakkan pencemaran air sungei ini jika ia membelanjakan sebanyak RM1,600 sebulan untuk membuang sisa dengan cara yang sesuai. Syarikat Indah membawa kes ini ke mahkamah untuk memaksa kilang kertas berhenti membuang sisa ke dalam air sungei. Andaikan kos urusniaga adalah sifar.
- (i) Sekiranya Syarikat Indah mempunyai hak milik terhadap air Sungei Molek itu, apakah penyelesaian?
- (ii) Sebaliknya, jika kilang kertas itu diberikan hak milik, adakah penyelesaian berbeza daripada (i)?
- (iii) Andaikan hak milik tidak diberikan kepada sesiapa pun, tetapi kos urusniaga masih sifar, mungkinkah penyelesaian berlaku sekarang?

(8 markah)

- (e) Kilang tekstil Penny merupakan majikan tunggal di Negara Macronesia, sebuah pulau kecil di Lantau Pacifik. Keluk penawaran pekerja tekstil adalah:

$$W = L/80$$

di mana W adalah kadar upah sejam dan L adalah buruh. Andaikan bahawa tekstil itu dijual dalam pasaran berpersaingan sempurna. Fungsi nilai keluaran marginal (VMP) adalah $VMP = 10 - L/40$.


- (i) Sekiranya bahawa kilang tekstil Penny ingin memaksimumkan keuntungan, berapakah pekerja yang ia harus menggunakan? Apakah kadar upah yang ia membayar?

- (ii) Andaikan bahawa kerajaan menetapkan kadar upah minimum pada RM3 sejam. Berapakah pekerja yang digunakan? Berapakah pengangguran?

- (iii) Andaikan kerajaan menetapkan kadar upah minimum pada RM4 sejam. Berapakah pekerja yang diupah? Berapakah pengangguran?

(iv) Lukiskan rajah untuk menjelaskan jawapan anda.

W, MFC,
VMP




Rajah 5

(10 markah)

- (f) (i) Tentukan sama ada barangan berikut merupakan barang awam tulen, barang awam tak tulen atau barang sendirian. Jelaskan.
- (a) Televisyen Astro
 - (b) Pertahanan Negara
 - (c) Taman Awam

- (ii) Negara Bersatu meminta bantuan anda untuk menentukan jumlah perkhidmatan polis yang ditawarkan. Rajah 6 berikut menunjukkan keluk-keluk permintaan tiga kumpulan rakyat Negara Bersatu.



Rajah 6


- (a) Lukiskan dan labelkan keluk permintaan Negara ini terhadap perkhidmatan polis. Jelaskan.

- (b) Sekiranya harga perkhidmatan polis adalah RM10 seunit, berapakah jumlah perkhidmatan polis yang optimum sosial dalam Negara Bersatu ini?

(8 markah)

- (g) Dr. Jaswant mempunyai sebuah rumah peranginan dekat Tasik Biru yang indah. Rumahnya bernilai RM400 ribu. Kebarangkalian berlakunya kebakaran rumah itu adalah 0.2.
- (i) Apakah nilai kecerunan garis ods-adil yang menginsuranskan rumahnya terhadap kebakaran? Dalam Rajah 7, plotkan titik keadaan asal dan garis ods-adil itu. Jelaskan.

Nilai rumah jika tiada kebakaran (dalam RM ribu)



Rajah 7

- (ii) Sekiranya Dr. Jaswant adalah seorang pengelak risiko, berapakah premium yang beliau sanggup membayar untuk membeli insurans adil liputan penuh? Tunjukkan keluk puas sama dan titik keseimbangan dalam Rajah 7. Jelaskan.

(9 markah)

Bahagian B [40 markah]

Jawab DUA (2) soalan. Gunakan buku jawapan untuk Bahagian ini.

Soalan 2

Andaikan Syarikat Mega beroperasi sebagai pesaing sempurna dalam pasaran output serta input. Syarikat itu menggunakan dua jenis input buruh dan modal. Apabila harga input turun, pengurus personel berpendapat bahawa lebih pekerja harus diupah kerana keluk VMP telah pindah ke kanan akibat kesan-kesan penggantian, output dan pemaksimuman keuntungan. Sebaliknya, pengurus pengeluaran berpendapat bahawa syarikat harus mengurangkan bilangan pekerja kerana keluk VMP telah pindah ke kiri. Siapakah yang betul? Bincangkan dengan menggunakan rajah yang sesuai.

(20 markah)

Soalan 3

(a) Andaikan sebuah ekonomi yang mengandungi 2 industri X dan Y, dua orang pengguna A dan B dan 2 jenis input buruh L dan modal K. Jelaskan bagaimana faktor-faktor berikut akan menghalang pencapaian keseimbangan di ekonomi itu.

- (i) Proses pengeluaran industri X mencemarkan udara.
- (ii) Industri Y merupakan monopoli.

(b) Katakan dalam kalangan pengeluaran di sebuah model keseimbangan am, terdapat dua industri X dan Y, yang memerlukan input buruh L dan modal K dalam proses pengeluarannya masing-masing. Pada asalnya, industri X mempunyai 64 unit L dan 0 unit K manakala industri Y mempunyai 0 unit L dan 31 unit K. Fungsi pengeluaran X dan Y masing-masing adalah seperti berikut:

$$X = L_X^{2/3} K_X^{1/3}$$

dan $Y = L_Y^{1/3} K_Y^{2/3}$

di mana L_X , K_X , L_Y , K_Y adalah kuantiti L dan K yang digunakan oleh industri X dan Y masing-masing. Harga relatif P_L/P_K adalah 1/2. Hitungkan paras L_X , K_X , L_Y , K_Y yang digunakan oleh industri X dan Y masing-masing pada keseimbangan am di kalangan pengeluaran itu. Tentukan berapakah unit L dan K yang ditukar antara industri X dan Y.

(20 markah)

Soalan 4

Katakan seorang pemelihara lebah terletak di sebelah sebuah 200-hektar dusun epal. Setiap sarang lebah boleh mendebungkan 1/4 hektar pokok epal. Maka, nilai output epal itu akan meningkat sebanyak RM250.

- (a) Harga pasaran madu daripada setiap sarang lebah ialah RM500. Kos sendirian marginal pemelihara lebah ialah $MPC = 300 + 0.5Q$ di mana Q adalah kuantiti sarang lebah. Jika tidak berlakunya proses tawar-menawar antara pemelihara lebah dan pemilik dusun epal, berapakah sarang lebah yang dipelihara? Berapakah hektar daripada dusun epal akan didebungkan?
- (b) Apakah subsidi maksimum yang pemilik dusun epal sanggup membayar kepada pemelihara lebah untuk setiap sarang lebah supaya menggalakkan pemelihara lebah mengadakan lebih banyak sarang lebah? Berapakah sarang lebah yang diperlukan supaya 200-hektar dusun epal itu dapat didebungkan? Berapakah subsidi yang pemilik dusun epal sebenar membayar kepada pemelihara lebah untuk mendebungkan dusunnya? Lukiskan rajah untuk menjelaskan jawapan anda.
- (c) Dalam rajah tersebut, tunjukkan sama ada terdapat kenaikan kebajikan bersih masyarakat. Jelaskan.

(20 markah)

Soalan 5

Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bezakan antara masalah pilihan bertentangan dan bencana moral. Dalam konteks contoh anda, bagaimanakah kedua-dua masalah itu dapat dikurangkan?

(20 markah)

- oo o0o oo -